



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2022

**PELANTIKAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU) SEBAGAI KLINIK PANEL
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf UMK mengenai pelantikan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sebagai Klinik Panel Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bermula 1 Ogos 2022 mengikut penetapan kadar rawatan seperti berikut:

Jenis Rawatan Yang Dikenakan Caj Tuntutan	Kelayakan	Had Kadar Rawatan (RM)
Ubatan dan bayaran makmal	1. Semua staf lantikan tetap dan kontrak 2. Tanggungan staf tidak termasuk ibu bapa 3. Pesara sahaja tidak termasuk tanggungan	100.00/ rawatan ditanggung oleh UMK

2. Empat (4) komponen di dalam caj perkhidmatan kesihatan PKU adalah ubat-ubatan, bayaran makmal, konsultasi dan prosedur perubatan. Hanya ubatan dan bayaran makmal sahaja yang dikenakan caj tuntutan yang ditanggung oleh Universiti Malaysia Kelantan melalui peruntukan Pejabat Pendaftar. Sekiranya kos rawatan adalah melebihi kadar ditetapkan, staf hendaklah membuat bayaran tambahan kepada PKU.
3. Sehubungan dengan itu, semua pihak dipohon untuk mengambil maklum berkaitan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)
Pendaftar

8 OGOS 2022

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab